

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Pelarian 1951 agar pelarian yang datang ke Malaysia untuk meyelamatkan diri dapat diberi bantuan sewajarnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan menyedari bahawa di dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan (Janji 59), kerajaan Pakatan Harapan akan meratifikasikan Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967. Ia merupakan hasrat bagi mana-mana negara yang belum menjadi negara ahli untuk menyertai masyarakat global dalam membantu pelarian dengan meratifikasikan Konvensyen 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967.
2. Namun demikian, walaupun Malaysia belum lagi menjadi negara ahli bagi Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 tersebut, ini tidak bermakna negara tidak boleh melaksanakan tanggungjawab kemanusiaan sejagat. Malah apa yang telah dilaksanakan oleh Malaysia terhadap pelarian sehingga kini, baik di dalam negara mahupun di luar negara sebenarnya jauh melebihi daripada apa yang telah dilaksanakan oleh kebanyakan negara ahli.
3. Di kalangan negara ASEAN, hanya Kemboja dan Filipina sahaja menjadi ahli kepada konvensyen dan protokol tersebut. Sememangnya

Malaysia akan mendapat pengiktirafan antarabangsa sekiranya menjadi Negara Ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967, namun negara perlu menimbangkan implikasi lain yang perlu diberi perhatian sepenuhnya seperti berikut:

- (i) Menggalakkan lagi kemasukan warga asing untuk mendapat perlindungan sebagai pelarian khususnya etnik Rohingya, Myanmar;
- (ii) Menjadikan Malaysia sebagai negara transit bagi pelarian atau pemohon suaka disebabkan lokasi geografi yang strategik;
- (iii) Mendedahkan Malaysia kepada isu-isu domestik dari segi ekonomi, sosial, politik, ketenteraman awam dan keselamatan negara; dan
- (iv) Implikasi terhadap bebanan kewangan kepada Kerajaan dalam menyediakan kemudahan kesihatan, pendidikan dan bantuan lain.

4. Pada ketika ini, Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23: Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR yang dikeluarkan pada tahun 2009 menjadi asas utama pengurusan pelarian di Malaysia. Kerajaan akan menyemak, mengemaskini dan memperkemaskan Arahan MKN No. 23 ini serta dasar-dasar lain sedia ada secara terperinci ke atas pelarian dan meningkatkan lagi pengurusan pelarian di Malaysia sehingga negara benar-benar bersedia untuk meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Pelarian 1951 tersebut.

Sekian, terima kasih.